

# 'Kenyataan Mukhriz tidak betul'

**D**ATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kenyataan Exco Pemuda Umno, Datuk Mukhriz Mahathir, yang memperlekehkan ucapan dasarnya pada pembukaan Perhimpunan Agung Umno, Rabu lalu, sebagai tidak betul sama sekali.

"Beliau (Mukhriz) menyatakan sesuatu yang saya fikir tidak betul sama sekali," kata Presiden Umno itu.

Pada sidang media selepas berakhir perhimpunan agung parti di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) semalam, Perdana Menteri bagaimanapun menyerahkan kepada Pemuda Umno untuk menentukan kedudukan Mukhriz dalam barisan Exco pergerakan itu.

"Pemuda sudah pun menyatakan-

nya kepada saya bahawa ia tidak sejajar dengan semangat resolusi usul yang Pemuda bentangkan... itulah yang menjengkelkan mereka," katanya.

Dalam kenyataan disiarkan sebuah akhbar berbahasa Inggeris kelmarin, Mukhriz dilaporkan sebagai berkata beliau 'sedikit' kecewa dengan ucapan dasar Abdullah yang disifatkannya bukan perkara baru.

Mukhriz berkata, kandungan ucapan berkenaan sudah disampaikan Abdullah pada Perhimpunan Agung Umno tahun lalu dan beliau mengharapkan sesuatu yang baru daripada Presiden.

Berikutan itu, Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, malam kelmarin berkata, pergerakan itu akan mengkaji kedudu-

kan Mukhriz dalam barisan Exco jika beliau berterusan membuat kenyataan yang boleh menjejaskan perpaduan parti.

Hishammuddin berkata, tindakan Mukhriz keterlaluan, memalukan dan berlawanan dengan ketetapan Pemuda yang menyokong presiden parti.

Abdullah ditanya sama ada Mukhriz wajar meletak jawatan Exco Pemuda, berkata: Itu soal beliau, mengapa anda bertanya kepada saya untuk membuat keputusan untuk beliau, saya tidak membuat keputusan untuk beliau."

Menjawab soalan sama ada anak bekas Perdana Menteri itu menelefonnya: "Dah merepek, macam-macam... dia tidak menelefon saya, cukuplah dah merepek ni... saya nak

bersembahyang, nak berlepas ke Hanoi."

Terdahulu, dalam ucapan penggunglungannya, Abdullah menjelaskan beliau berfikir agak lama ketika menyediakan ucapan dasarnya sebelum menyampaikannya kelmarin dan meminta maaf jika ada kekurangan.

"Saya janji dari semasa ke semasa saya kena laporkan (mengenai parti). Ada orang kata ucapan Pak Lah macam buat (bentang) laporan dalam perhimpunan agung. Depa kata saya baca, kami tidur. Minta maaf kalau (ada) kurang dari segi penyampaian.

"Apa juga idea dan saranan disampaikan, saya sudah berfikir agak lama. Saya buat tujuh atau lapan draf ucapan, baru berani nak sampaikan pada saudara semua," katanya.